

CAKLEMPONG, kumpulan muzik tradisional dari Minangkabau, Indonesia. Caklempong atau dikenal juga sebagai telempong dan taklempong dirujuk kepada sejenis alat muzik yang bergema (idiofon). Persembahan caklempong diiring oleh alat muzik lain seperti bonang, rebana, gong, seruling, bangsi dan biola. Fungsi utama persembahan caklempong adalah untuk menghibur dan menyalurkan nilai murni.

Mengikut sejarah, caklempong telah dibawa oleh orang Minangkabau yang datang berhijrah ke Negeri Sembilan pada awal abad ke-20. Nama 'caklempong' adalah gabungan dua perkataan iaitu 'cak' yang merujuk kepada gema bunyi yang dihasilkan daripada gendang dua muka dan 'lempong' yang merupakan gema bunyi yang dikeluarkan oleh bonang. Penggunaan nama 'caklempong' berdasarkan peniruan bunyi benda tergolong

dalam konsep *onomatopoeia*.

Muzik caklempong mengiringi pelbagai aktiviti yang dijalankan oleh masyarakat Melayu, khususnya di Negeri Sembilan. Muzik ini digunakan untuk persembahan kaba iaitu penceritaan bahan penglipur lara oleh tukang kaba (tukang cerita). Dalam persembahan ini, caklempong berfungsi untuk menarik minat penonton dan juga untuk menyedapkan jalinan cerita. Dalam persembahan tumbuk kalang, iaitu persembahan yang diadakan untuk temasya menumbuk emping, caklempong merupakan salah satu daripada alat muziknya yang penting. Caklempong juga digunakan untuk mengiringi pelbagai jenis tarian Melayu seperti tari randai, tari lilin, tari piring, terinai dan persembahan silat pulut.

Selain mengiringi persembahan tersebut, caklempong juga dipersembahkan secara bersendirian. Persembahan ini terdiri daripada nyanyian lagu caklempong, yang senikatanya merupakan rangkap pantun yang menggambarkan suasana kehidupan masyarakat Minangkabau di Negeri Sembilan. Pantun ini bertujuan untuk memberi nasihat, pengajaran, melahirkan perasaan cinta dan bersuka-suka di kalangan masyarakat. Antara lagu caklempong termasuklah *Cantik Manis*, *Bujang Sembilan* dan *Si Damping*. Terdapat juga lagu instrumental seperti lagu *Mengarak Pengantin*, *Membuai Anak* dan *Tupai Bergayut*.

Caklempong biasanya dipersembahkan dalam upacara istana seperti upacara pertabalan, menyambut hari keputeraan dan perkahwinan diraja, serta upacara menyambut tahap hidup seperti berkhatan.

Caklempong merupakan persembahan muzik Melayu tradisional yang masih mendapat tempat di kalangan masyarakat Minangkabau sama ada di Indonesia atau di Malaysia, khususnya di Negeri Sembilan. Terdapat usaha baru untuk memperkenalkan seni ini di luar Negeri Sembilan kerana fungsinya yang penting sebagai ejen budaya. [lih. j. BONANG, TUMBUK KALANG]



Caklempong